

Persediaan satu sesi

u.m m/s 10

Oleh **AZLINARIAH ABDULLAH**
(WARTAWAN UTUSAN)

07/9/07

DAPAT difahami dengan jelas pesan yang cuba disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila melontarkan semula idea mengenai persekolahan satu sesi.

Tidak mengapa jika ada yang menyatakan bahawa ia pernah diuar-uarkan sebelum ini, tetapi tidak boleh dijayakan kerana kekurangan itu dan ini.

Perdana Menteri sangat prihatin dengan keselamatan kanak-kanak dan pelajar sekolah yang menjadi pelapis generasi akan datang.

Banyak anasir yang tidak baik mereksa jiwa anak-anak dan pelajar-pelajar kita hari ini, yang sebahagiannya datang dari luar sekolah.

Logiknya, anasir-anasir itu secara berterusan tetap ada, apa lagi dalam dunia tanpa sempadan seperti hari ini. Tetapi realitinya pula, bukan tiada jalan untuk kita semua mengawal perkara-perkara negatif berkenaan.

Itulah juga kebaikannya jika persekolahan satu sesi menjadi nyata – soal keselamatan anak-anak dapat dipelihara. Pelajar-pelajar tidak boleh lagi berpelesenan, ponteng atau merayau-rayau tanpa arah kerana tumpuan semestinya berada di sekolah sehingga pukul 4 petang.

Bukan itu sahaja, banyak pihak bermula kalangan pendidik, bekas pendidik dan pelajar sendiri mengakui bahawa

pasti kerana ibu bapa) yang memilih sekolah. Hal-hal ini boleh diatasi jika ketidakcukupan kelas menjadi hambatanya," kata beliau sambil menyambut baik syor sekolah satu sesi.

Katanya, kebaikan sekolah satu sesi ialah apabila aktiviti kokurikulum dapat dilaksanakan sama penting dan seiring dengan aktiviti kurikulum bilik darjah.

"Sebenarnya kita tidak mahu kegiatan luar bilik darjah sama ada dalam berpersatuan dan sukan dijalankan bagaikan melepaskan batuk di tangga.

Benar, beban guru sudah pasti bertambah namun kerjasama semua warga Kementerian Pelajaran khususnya guru-guru di sekolah menggembungkan tenaga dan pengalaman masing-masing amatlah dinanti-nantikan demi manfaat bersama.

Beliau menarik perhatian bahawa sebenarnya sistem ini sudah banyak dilaksanakan oleh sekolah-sekolah swasta dan didapati ia benar-benar berkesan.

Rahman yang kini merupakan Canselor di Kolej Universiti Antarabangsa Sedaya (UCSI) menarik perhatian bahawa, di luar negara juga, sekolah sedemikian telah lama dipraktikkan.

Meniru

Ujar beliau yang berpengalaman lebih 30 tahun dalam dunia pendidikan, walaupun kita laksanakan sekarang, bukan kita mendahului bahkan meniru



PULANG SEKOLAH... Sesi persekolahan perlu dikaji semula untuk kebaikan semua pihak.

Kebaikan persekolahan satu sesi ini bukan sahaja boleh dijadikan jalan keluar kepada masalah keselamatan di kalangan pelajar-pelajar, lebih daripada itu ia memberi manfaat kepada ibu bapa, pelajar dan masyarakat itu sendiri

wa idea sekolah satu sesi itu sangat baik; inilah masa dan ketika kita boleh menjayakannya kerana telah benar-benar bersedia.

Tidak kurang ada pula yang menyatakan bahawa usah difikirkan sangat tentang masalah bakal timbul kerana yang penting cuba melaksanakannya terlebih dahulu, yang lain-lain datang kemudian dan berupaya diselesaikan nanti.

Apa yang penting, kebaikan persekolahan satu sesi ini bukan sahaja boleh dijadikan jalan keluar kepada masalah keselamatan di kalangan pelajar-pelajar, lebih daripada itu ia memberi untung kepada ibu bapa, pelajar dan masyarakat itu sendiri.

Mengulas hal ini, bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Abdul Rahman Arshad ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, memberitahu, kalau dahulu, sekolah satu sesi tidak boleh dilaksanakan kerana kelas-kelasnya tidak mencukupi.

Sekarang, kelas, guru, bilik darjah dan prasarana lain lebih daripada mencukupi. Kalaupun tidak memadai, tentu ada jawapan dan penyelesaiannya.

"Kenal pasti berapa buah sekolah yang cukup untuk satu-satu kawasan. Kebanyakan sekolah menjadi padat dan kelas tidak mencukupi kerana pelajar (sudah

daripada mereka.

"Saya sendiri baru pulang dari Bangkok dan saya dapati semua sekolah di sana mengamalkan pembelajaran satu sesi - tiada masalah. Terdapat lebih 3,000 buah sekolah di sana (Thailand)."

Bagi sekolah di sini yang telah pun melaksanakan persekolahan satu sesi, jadualnya tidak sebegitu padat seperti digambarkan.

Paginya pelajar menjalani mata pelajaran biasa dan selepas waktu rehat tengah hari, pelajar menyambung waktu dengan persekolahan agama.

Pada waktu ini juga pelajar diwajibkan solat berjemaah. Langkah ini juga akan menjimatkan masa dan kewangan ibu bapa, di mana ibu bapa tidak perlu lagi terkejar-kejar untuk mengambil anak-anak mereka dari sekolah kebangsaan dan menghantarnya ke sekolah agama.

"Hasilnya, semua dapat dijamin. Kesemua mata pelajaran - agama dan bukan agama disatukan dalam tempoh awal pagi sehingga pukul 4 petang. Bukankah ia sesuatu yang baik dan harus disokong?"

Konsep sekolah integrasi atau menyamai satu sesi ini sebahagiannya dilaksanakan di sekolah rendah kendalian Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan

beberapa sekolah awam di negara ini. Sebagai contoh sekolah di Setiu, Muar (Johor), Hulu Langat (Selangor), Kuala Lipis dan Cameron Highlands (Pahang) serta Keningau (Sabah). Justeru, ia wajar dijadikan model dan kalau ada ruang ia boleh diperkasakan lagi.

Sementara itu, bagi seorang warga pendidik, Narimah Daud, pula percaya bahawa sekolah satu sesi boleh dilaksanakan.

Beliau yang teruja menantikan pelaksanaan sekolah sedemikian berpendapat, hal-hal seperti tidak cukup prasarana, guru atau sebarang kelengkapan lain jangan dijadikan alasan untuk membatalkan usaha pelaksanaannya.

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abu Bakar, Kuantan, Pahang ini berkata: "Kalau ia menjadi realiti, sudah pasti pelbagai pihak yang untung.

"Guru-guru misalnya, walaupun kerja mungkin bertambah, mereka tidak perlu menunggu sehingga lewat malam untuk mengajar.

"Kepada yang membuat kelas-kelas tambahan, satu sesi ini boleh menjadi landasan terbaik untuk tidak 'mengacau' hari-hari tidak berkenaan. Semuanya ditumpukan pada satu sesi sahaja."

Dari sudut psikologi pelajar itu sendiri, mereka mudah menerima pembelajaran ketika waktu pagi, kerana otak mudah menangkap sebarang maklumat semasa dalam keadaan segar.

Maklumat di sini bermakna yang bersifat akademik. Jadi kalau satu sesi dilaksanakan, boleh sahaja yang bersifat akademik ini ditumpukan di sebelah pagi.

"Pada sebelah petang pula, aktiviti kokurikulum boleh ditumpukan. Manamana guru tidak boleh sewenang-wenangnya membuat kelas tambahan kalau ia digabungkan menjadi satu sesi," ujarnya.

Dalam pada itu, kepada yang menyatakan fokus persekolahan satu sesi ialah untuk tujuan keselamatan, hujah Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mereka cukup senang bagi mematahkannya.

Suara Setiausaha Agungnya, Loke Yim Pheng menyatakan, tugas menjaga hal ehwal keselamatan pelajar-pelajar ini bukan terletak di bahu guru semata-mata.

Justeru kata beliau, satu kajian menyeluruh perlu dilakukan terlebih dahulu jika mahu ia dilaksanakan atau melihat ia membuahkan hasil seperti diinginkan.